



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

حياتنا خير الحيات والاعمال اكامل السلام

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 SAFAR 1445H/ 08 SEPTEMBER 2023M

BAHAYA MENABUR FITNAH

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 5/9/2023

PEGAWAI PENYEMAK : ABD. RAZAK BIN FAWZIN

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih.

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 6/9/2023

DIBACA PADA : 8/9/2023

DILULUSKAN OLEH : BAHARUDIN HU ALWI

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
BAHAYA MENABUR FITNAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ

مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾ (الإسراء (17):36)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ

وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH!

Marilah kita bertaqwa ke hadrat Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, mentaati Allah dan rasulNya. Berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kita

menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat. Bersempena dengan hari Jumaat yang barakah ini, khatib ingin mengajak para jamaah sekalian untuk bersama-sama kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk “**BAHAYA MENABUR FITNAH**”.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Islam adalah agama persaudaraan yang sangat mementingkan ukhwah dan mahabbah iaitu kasih sayang sesama insan. Antara panduan dan bimbingan yang telah digariskan dalam agama kita bagi menjaga ikatan ukhuwah dan mahabbah itu ialah dengan sentiasa memelihara diri daripada menyakiti orang lain sama ada dengan lisan mahupun perbuatan. Daripada Abu Musa Al-Asy'ari Radiallahu Anhu dia berkata yang **bermaksud**:

“Wahai Rasulullah, orang Islam yang bagaimanakah yang paling utama? Baginda menjawab: Orang yang kaum muslimin selamat dari (kejahatan) lidahnya dan tangannya.

(HR Imam Bukhari)

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ

مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *”Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan*

penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”

(QS al-Isra (17):36)

Sesungguhnya kejahatan lidah itu amat banyak. Ringkasnya, apa sahaja perbuatan lidah yang boleh menyakiti atau menzalimi orang lain tanpa hak, maka yang demikian itu adalah dalam kategori kejahatan lidah, ini termasuklah perbuatan menabur fitnah.

Dalam agama kita, menabur fitnah adalah suatu perbuatan yang haram, tercela dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Sesungguhnya fitnah itu adalah tuduhan, khabar, kisah dan seumpamanya, yang diada-adakan atau dibuat-buat untuk memburukkan seseorang. Daripada Abdul Rahman Bin Ghanmin Radiallahu Anhu berkata yang **bermaksud**:

“Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melaga-lagakan antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah.”

JAMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!

Menabur fitnah adalah perbuatan yang buruk dan boleh menjejaskan maruah dan kredibiliti seseorang. Sesungguhnya fitnah yang dicela oleh syarak itu tidak hanya terbatas dengan lisan sahaja bahkan juga dengan perbuatan. Imam al-Ghazali Rahmatullahi Ta'ala menyebutkan dalam kitabnya Ihya' 'Ulumuddin bahawa menyebarkan dengan apa sahaja cara

suatu fitnah yang boleh difahami sama ada dengan percakapan, isyarat mahupun tulisan hukumnya adalah haram.

Sejak akhir-akhir ini, muncul banyak penulisan, imej dan video yang viral dan tular melalui laman-laman sosial dan aplikasi-aplikasi telefon bimbit bahawa terdapat ramai di kalangan masyarakat kita yang menyalahgunakan kemudahan ini dengan menyebarkan sesuatu perkara, maklumat dan berita tanpa tabayyun atau tanpa menyelidik terlebih dahulu kebenarannya dan memastikan kesahihannya. Apa yang lebih membimbangkan lagi ialah terdapat antara maklumat atau berita yang disampaikan itu merupakan pembohongan itu menjadi fitnah dan seterusnya mengaibkan mana-mana pihak atau individu tertentu. Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud**:

“Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang tidak memastikan kebenarannya terlebih dahulu, akan membawanya ke neraka yang jaraknya lebih jauh dari jarak antar timur dan barat.”

(HR Imam Bukhari)

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Bahaya fitnah ini dirakamkan dan ditegaskan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

... وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ ... ﴿١٩١﴾

Maksudnya: "... dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan ..."

(QS al-Baqarah (2): 191)

Seterusnya melalui firman-Nya dalam surah al-Qalam, ayat 10 hingga 11:

وَلَا تُطِيعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: "Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), -Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)"

(QS al-Qalam (68): 10-11)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Hendaklah kita berhati-hati dan menjaga diri kita daripada perbuatan menabur fitnah. Ini kerana bahaya fitnah itu bukan sahaja menyebabkan kita mendapat dosa besar malah mengakibatkan kita tidak dapat memasuki syurga Allah SWT. Daripada Huzaifah Bin Yaman Radiallahu Anhu dia mendengar Rasulullah SAW bersabda yang **bermaksud:**

"Penabur fitnah tidak akan masuk syurga"

(HR Imam Bukhari)

Perlu diketahui, bahawa perbuatan menabur fitnah itu mengundang kepada perpecahan dan perbalahan seperti menjadi punca kepada timbulnya salah faham, pertengkaran dan perselisihan sehingga menyebabkan suami isteri bercerai-berai, hubungan adik-beradik menjadi renggang, keluarga bermasalah, rakan bermusuhan, masyarakat kucar kacir dan seumpamanya.

Memandangkan perbuatan menabur fitnah itu menjurus kepada keburukan, perpecahan dan perbalahan kepada masyarakat, maka marilah kita mendidik dan mentarbiah diri kita, keluarga kita dan masyarakat dengan saling nasihat-menasihati dan tegur-menegur terhadap perbuatan yang membawa kepada dosa dan maksiat, lebih-lebih lagi perbuatan menabur fitnah. Tanamkanlah dalam diri dan jiwa kita sikap berhati-hati agar kita tidak terjebak dalam bencana bahaya fitnah ini. Gunakanlah akal fikiran yang telah dikurniakan Allah SWT dengan sebaik-baiknya.

Marilah kita bersama-sama bermuhasabah diri pada sisa usia yang masih ada ini agar kita dapat berusaha menjaga setiap tingkah laku dan tutur kata kita. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah SWT melindungi diri kita daripada melafazkan kata-kata yang boleh mengundang kepada dosa dan kemurkaan-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin. Firman Allah SWT:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً ۖ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksaNya.”

(QS al-Anfal (8):25)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com